

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17 November 2015

Gandingan ASEAN-G20 cetus impak ekonomi dunia - PM

UM-17/11/2015

■ ANTALYA, TURKI 16 NOV.

ASEAN dan Kumpulan Negara G20 boleh menjadi pencetus pertumbuhan ekonomi dunia yang seimbang dan mapan jika gandingan dan saling kebergantungan antara keduanya diperkukuhkan.

Mengambil bahagian dalam sesi *working dinner* berkaitan pertumbuhan inklusif ekonomi global sempena Sidang Kemuncak Pemimpin G20 di sini, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ASEAN yang dianggotai 10 negara adalah rantau yang paling dinamik dan berkembang pesat dengan menyumbang enam peratus kepada pertumbuhan ekonomi dunia.

"ASEAN juga dengan bilangan penduduk melebihi 600 juta dan lebih penting daripada itu dengan penambahan bilangan penduduk kelas pertengahannya bererti permintaan untuk penduduknya akan lebih meningkat.

"Saya menyatakan bahawa ASEAN akan menjadi lebih dinamik dan



ZULKIFLI
JALIL

Melaporkan dari ANTALYA, TURKI



berdaya saing apabila kita menjadi sebuah komuniti ekonomi.

"Ini ditambah lagi dengan pengenalan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang akan mewujudkan satu aliran pasaran bersepadu sekali gus memperkukuhkan dagangan, pelaburan, infrastruktur dan integrasi pertumbuhan negara-negara anggota.

"Langkah ini ternyata membuktikan kesan begitu positif yang mana jumlah dagangan ASEAN telah berkembang lebih 30 peratus dalam tempoh lima tahun ini," kata beliau kepada wartawan Malaysia, sebelum berlepas pulang ke tanah air mengakhiri lawatan kerja tiga hari sempena sidang kemuncak itu.

Najib berkata, ASEAN yang diketuai Malaysia selaku pengerusi 2015

tidak akan berhenti dalam mengembangkan potensi ekonominya, malah akan menumpukan kepada soal penghapusan bukan tarif dan liberalisasi sektor perkhidmatan dan modal.

"Kita akan membincangkan juga mengenai aspek Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) antara ASEAN dengan negara ketiga," kata beliau.

Potensi ekonomi ASEAN yang kini merupakan blok ekonomi ketujuh terbesar dunia diyakini boleh digilap bersama kumpulan negara G20 yang mewakili kombinasi 80 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar global.

- UTUSAN

NAJIB TUN RAZAK bercakap dalam sidang media semasa mengakhiri penyertaan dalam Sidang Kemuncak G20 di Antalya, Turki, semalam.
- BERNAMA

